

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : "MAJLIS AMAL BAKTI 1994 'BUAT MU WANITA'"
Lokasi : HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR
Tarikh : 09-10-1994

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya lafazkan syukur alhamdulillah ke hadrat Illahi atas limpah kurnia-Nya untuk kita berbakti pada malam ini bersama-sama dengan tetamu-tetamu kenamaan, para dermawan dan para jemputan.

2. Bagi pihak BAKTI, saya mengalu-alukan kesudian tuan-tuan dan puan-puan melapangkan masa untuk memberi peluang juga kepada BAKTI mengucapkan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kerana menyerikan lagi Majlis Malam Amal BAKTI tahun ini. Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, BAKTI mengucapkan terima kasih kerana sudi melancarkan album BAKTI sebentar lagi.

3. Sambutan untuk membeli meja adalah di luar jangkauan.

Saya memohon maaf kepada mereka yang terpaksa ditolak ataupun ditempatkan di sudut-sudut yang tidak sesuai. BAKTI mengamalkan peraturan 'first come, first serve' supaya adil.

4. Pada tahun ini, sempena dengan Tahun Keluarga Antarabangsa, BAKTI telah memilih tema 'Buat Mu Wanita' bagi mengenangkan cabaran-cabaran dan liku-liku hidup seseorang wanita daripada umur kecil hinggalah ke dewasa. Seringkali manusia menganggap segala kejadian yang berlaku ke atas seorang wanita itu seperti perkara biasa sahaja kerana ia wanita. Suara hati wanita sebagai anak gadis, remaja, dewasa yang mula mengalami percintaan hinggalah menjadi isteri dan ibu yang setia dan tersayang sering kali tidak terdengar.

5. Untuk menyedari penghidupan wanita dan memperingati jasa-jasa mereka, ahli-ahli BAKTI memberanikan diri untuk merakamkan sebuah album bersama-sama dengan empat artis yang popular sebagai persembahan khas malam ini. Dengan pertolongan dan panduan daripada Puan Hajah Habsah Hassan, penulis lirik terkenal tanahair dan beberapa komposer yang mengubah lagu-lagu baru ini, BAKTI dapat merakamkan satu album 'Buat Mu Wanita' sebagai saluran menyuarakan perasaan dihati wanita.

6. Ahli-ahli BAKTI yang akan memperdengarkan lagu masing-masing adalah amat dalam bidang menyanyi. From the very word 'go' we thought it was going to be easy.

Experiencing a recording artiste's session at a studio made us realise how much hard work recording artists, song-writers and music composers put in for just an album.

7. Fortunately, we had Puan Hajah Habsah Hassan who wrote all the beautiful lyrics. She met each one of us with her composers in an audition that made us professionally nervous.

Some passed with distinction, some scraped through and others 'also sang'. Puan Hajah Habsah chose the song for each individual or duet by observing our personalities and voices before allocating a song. It was beautifully enhanced with music from ten of our best composers.

8. BAKTI's first problem was not just singing but how to explain to our husbands that good recording takes a minimum of five hours, starting from 9.30 p.m! What? That was the first reaction. We managed to solve this by assuring our beloved ones that we go in groups, and not alone.

9. The second biggest problem was how to keep ourselves warm in a recording studio where the temperature was, to me, 15 degrees centigrade. It was like being in a freezer with our ears muffed by the ear-phones and our bodies bundled with thermals and jackets. Some almost brought a mink coat.

How do we sing melodiously and with warm expression in a freezer? We were given warm drinks. The

only thing we got really right was the vibrations through sheer coldness and nervousness.

10. The composer-cum-producer of our album, Encik Ruslan Imam helped us through but he himself was a gentle slave-driver, unrelenting yet extremely patient with a bunch of mothers and grandmothers who dared to cut an album! He treated us like a `word processor' going over errors, line by line and word by word. But we stayed on in the freezing studio until he gave us a `thumbs up' and a quiet `wassalam'. It was an experience which I personally may not want to go through again when I retire as BAKTI's President.

But believe me, it was great fun.

11. A close friend asked me after she heard of our experience `why do you have to go through the torture?' Kenapalah BAKTI siksakan diri sampai begitu sekali?

12. Tonight is BAKTI's Charity Dinner to collect funds for its Tabung Kebajikan which distributes about RM1 million a year to help needy individuals, institutions, both education and medical, charitable organisations and others. BAKTI is blessed with numerous generous friends, individuals as well as corporates, who spontaneously contribute to our Tabung. We feel that we owe them something more than a dinner and therefore we braved ourselves through this `torture' to collect more funds from the sale of the cassettes and compact discs. We leave it to you to be the judge and to buy our album. It is our humble effort and it wasn't a torture but an enjoyable experience for the sake of many people out there who need our help.

13. So, ladies and gentlemen, tuan-tuan dan puan-puan, saya harap persembahkan malam ini -- album `Buat Mu Wanita' dan juga sketsa BAKTI akan menghiburkan para hadirin sekalian. Again, we are amateurs, so please bear with us!

14. Tidaklah lengkap dan sempurna tugas saya malam ini sekiranya saya tidak menyampaikan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka yang menjayakan Malam Amal ini.

a. Kepada dermawan-dermawan yang hadir malam ini dan menghulurkan bantuan wang untuk Tabung Kebajikan BAKTI. Nama semua dermawan telah disenaraikan dalam Buku Cenderamata. BAKTI tidak dapat mengucapkan lebih selain daripada setinggi-tinggi terima kasih diatas kemurahan hati dan keyakinan tuan-tuan dan puan-puan terhadap BAKTI. Allah sahaja membalasnya.

b. Kepada karyawan dan artis-artis yang menyumbangkan masa, senikata dan lagu dan juga perlepasan tuntutan bayaran supaya bersama-sama beramal bakti. Tindakan tuan-tuan dan puan-puan adalah dipuji dan disanjung tinggi. Syabas dan tahniah.

c. Kepada syarikat-syarikat rakaman yang sama-sama membantu secara langsung atau tidak langsung.

d. Kepada Encik Vincent Lee daripada Naga DBB Needham Advertising yang telah menyumbangkan tenaga dan expertise merekabentuk pentas, buku cenderamata dan design bagi kulit kaset dan cakera padat, stage lighting and sound.

e. Kepada syarikat-syarikat yang menghadiahkan banyak ole-ole sehingga melimpah ke kerusi untuk setiap tetamu bawa pulang.

f. Kepada media massa yang memberi liputan mengenai `soft' pelancaran Album `Buat Mu Wanita'. Diharap kerjasama ini berterusan selepas pelancaran rasmi album pada malam ini.

g. Kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang sudi menghiaskan pentas ini dengan berbagai-bagai jenis bunga.

h. Kepada Syarikat EMI Sdn. Bhd. yang mengeluarkan dan mengedarkan kaset sebagai package serta cakera padat (CD). Kepada Mrs. Beh dan pegawai-pegawai beliau, saya ucapkan terima kasih.

i. Terima kasih khas kepada Puan Hajah Habsah Hassan dan Syarikat Serangkai Filem Sdn. Bhd. kerana mengatitkan video-clipping dan lagu-lagunya.

Bersama-sama dengan Encik Ruslam Imam, tanpa sumbangan lagu dan irama, latihan dan galakan mereka berdua, BAKTI tidak berani membuat persembahan ini.

j. Kepada Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa- Jawatankuasa Kecil Malam Amal BAKTI yang bertungkus-lumus mengatitkan segala-gala persediaan dengan teliti sehinga mengigau-igau sewaktu tidur, saya ucapkan syabas dan berbanyak terima kasih. Kejayaan malam ini adalah bukti usaha gigih anda semua dan kejayaan ini juga adalah kejayaan anda. Tahniah dan syabas.

15. Saya memohon maaf sekiranya tidak menyebut lebih ramai lagi pihak-pihak yang membantu dalam pelbagai cara. Terimalah penghargaan BAKTI yang ikhlas dan kami akan sentiasa memperingati jasa baik tuan-tuan dan puan-puan.

16. Semoga malam ini diberkati Allah, saya sudahi dengan harapan bahawa tuan-tuan dan puan-puan akan terhibur. Kepada para suami yang isteri mereka akan menyertai persembahan di atas pentas ini nanti, harap relax dan jangan risau. We won't let you down.

Sekian, terima kasih.
